

## Pendekatan Penulisan Kitab *al-Hadi* Oleh Shaykh Muhammad Salim Muhaysin

Sabri Mohamad<sup>1</sup>, Hamdi Ishak<sup>2</sup>, Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>3</sup>,  
Ashraf Ismail<sup>4</sup> & Muhammad Hafiz Jamil<sup>5</sup>

Email: <sup>1</sup>sabri\_m@ukm.edu.my, <sup>2</sup>hamdi@ukm.edu.my, <sup>3</sup>faizam@ukm.edu.my,  
<sup>4</sup>ashraf@ukm.edu.my, <sup>5</sup>mh@ukm.edu.my

Pusat Kelestrarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam, UKM

### Abstrak

Kitab *al-Hadi* karangan Muhammad Salim Muhaysin adalah karya syarahan matan *Tayyibah al-Nasyr* yang terbit disaat penulisan Qira'at Sepuluh agak terhad dan jarang diberi tumpuan oleh ulama qira'at. Karya tersebut memberi tumpuan kepada pernyataan sebab/illah sesuatu bacaan qira'at dan penghujahannya melalui pendekatan-pendekatan penulisannya yang tersendiri. Sehubungan itu artikel ini akan membicarakan dan menonjolkan pendekatan-pendekatan penulisan kitab tersebut dengan lebih dekat dan berkesan. Penghasilan artikel banyak bergantung kepada kajian perpustakaan dan juga temuramah. Dapatan penulisan menunjukkan bahawa antara kelebihan kitab tersebut ialah, melalui persembahan, penjelasan dan penghuraian yang mudah difahami dan ringkas tetapi padat. Hal tersebut tidak terdapat pada kebanyakan kitab-kitab syarah *al-Tayyibah* terdahulu yang terkadang agak menyukarkan para pembaca memahaminya.

**Kata kunci:** Kitab *al-Hadi*, Muhammad Salim Muhaysin, *Tayyibah al-Nasyr*, Qira'at Sepuluh, Syarah *al-Tayyibah*

## Scripture Writing Approach in *al-Hadi* By Shaykh Muhammad Salim Muhaysin

### Abstract

The book of *al-Hadi* by Muhammad Salim Muhaysin is the work of the *Tayyibah al-Nasyr* texts published during the Ten Qira'at writing was limited and seldom given the focus by *qira'at* scholars. The work focuses on the revelation of the reasoning of a *qira'at* reading and its submissions through its own written approaches. Therefore, this article will discuss and highlight the writing approaches of the book more closely and effectively. The publication of articles mostly depends on library research and interviews. The findings show that among the advantages of the book is, through the presentation, explanation and interpretation that are easy to understand and brief but comprehensive. These advantages do not exist in most of the previous books of *al-Tayyibah* which sometimes makes it difficult for readers to understand.

**Keywords:** Kitab *al-Hadi*, Muhammad Salim Muhaysin, *Tayyibah al-Nasyr*, Qira'at Ten, Syarah *al-Tayyibah*

### 1. Pengenalan

Kitab *al-Hadi Syarh Taiyyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr wa al-Kasyf 'an 'Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha* merupakan syarah kepada *Matn al-Tayyibah* karangan Imam Ibn al-Jazari. *Matn al-Tayyibah* ialah *bayt-bayt* syair *Qira'at Sepuluh* karangan Ibn al-Jazari yang telah beliau selesaikan penulisannya ketika berada di Rom pada 799H dan terkandung di dalamnya sebanyak 1000 *bayt* (Mustafa 1992; Ahmad Mahmud 2001). Oleh kerana *bayt-bayt* syair *al-Tayyibah* jarang disyarahi dan dicetak, maka Dr. Muhammad Salim Muhaysin telah mengambil inisiatif dengan mensyarahkan *bayt-bayt* syair tersebut dengan gaya persembahan yang menarik dan pendekatan yang mudah dan *uslub* yang mudah difahami. Walaupun penulisan kitab *al-Hadi* boleh dikatakan masih baru, namun ia mampu menarik minat pengkaji Ilmu *Qira'at* untuk memahami dan mendalami ilmu pengajiannya dengan baik. Antara kelebihan kitab

tersebut ialah, melalui persembahan, penjelasan dan penghuraian yang mudah difahami dan ringkas tetapi padat. Hal tersebut tidak terdapat pada kebanyakan kitab-kitab syarah *al-Tayyibah* terdahulu yang terkadang agak menyukarkan para pembaca memahaminya.

### 1.1 Biodata Ringkas Penulis

Shaykh Muhammad Salim Muhaysin seorang tokoh besar dalam Ilmu Qira'at Quraniyyah yang telah banyak menabur sumbangan bakti kepada ilmu tersebut. Nama penuh beliau ialah, Muhammad Muhammad Muhammad Salim Muhaysin. Dilahirkan pada tanggal 11 Febuari 1929 Masihi di Qaryah Rawdah di Daerah Faqus, Zaqaziq, Negeri *Syarqiyyah*, Mesir (Muhammad Salim Muhaysin (1978/1298H). Ayahnya bernama Muhammad Muhammad Salim Muhaysin dan manakala ibunya pula bernama Taqiyyah Muhammad 'Atiyyah (Yasir Muhammad 2006).

Shaykh Muhaysin telah mendirikan rumahtangga dengan gadis pilihan keluarganya sendiri yang bernama Mahasin. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan dengan empat orang cahaya mata, Usamah, Yasir, Sa'id, dan Safa' (Temu bual Yasir Muhammad 2006). Setelah menabur bakti dan jasa yang besar kepada masyarakat, beliau akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir pada waktu subuh 5 Mei 2001 pada usia mencecah 72 tahun. Atas wasiat beliau sendiri, beliau dikebumikan Qaryah Rawdah-al-Hajir (Muhammad Ibrahim 2006).

Tokoh besar tersebut selain 'menjuarai' bidang Qiraat, beliau juga aktif menulis dalam pelbagai bidang ilmu Islam seperti bidang, Tajwid, Tafsir, 'Ulum al-Quran, Feqah dan 'Ibadat, Mu'amalat, Tarajim, Fatwa, Sirah, Bahasa, Tawhid dan Dakwah yang jumlahnya mencecah 104 buah karya. Dalam bidang pengajaran pula beliau telah menghabiskan sebahagian besar umurnya mengajar dan menabur bakti di luar Mesir, seperti Palestin, Sudan, Libya dan Arab Saudi.

### 1.2 Pembelajaran

Perjalanan peringkat pengajian tinggi Shaykh bermula pada tahun 1945 di mana beliau berjaya memasuki Ma'had Qira'at al-Azhar, Kaherah sebagai kumpulan pelajar sulung institusi tersebut. Beliau melanjutkan pelajarannya di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti al-Azhar dan berjaya meraih ijazah pertamanya pada tahun 1967. Manakala ijazah sarjana diraih daripada Fakulti al-Adab, Universiti Kaherah cawangan Khartum pada tahun 1973 (Muhammad Salim Muhaysin 1978). Selanjutnya pada tahun 1976, akhirnya beliau berjaya menggenggam Ijazah Doktor Falsafah dengan mendapat keputusan yang cemerlang dari universiti yang sama.

### 1.3 Guru-Guru dan Anak-Anak Murid

Gurunya yang mula-mula menghafalkannya al-Quran ialah Shaykh Muhammad al-Sayyid 'Azzab seorang alim al-Quran yang berasal daripada Kampung al-Hijamiyyah al-Qadimah, Bani Soleh, al-Zaqaziq, Negeri *Syarqiyyah*. Shaykh inilah yang banyak membentuk syakhsiah Shaykh Muhaysin sebagai penghafal al-Quran yang berketerampilan dan beliau banyak mendampinginya. Selanjutnya beliau mendalami Ilmu Tajwid dengan lebih seruis dan mendalam daripada Shaykh Muhammad Mahmud di Kampung Awlad Sarrar dan Shaykh Mahmud Bakr (Muhammad Muhammad Fawzi 2006).

Antara guru yang paling banyak terkesan dengan beliau dari sudut pengajaran dan pembelajaran dalam Ilmu *Qira'at* ialah Shaykh 'Amir al-Sayyid 'Uthman. Shaykh 'Amir al-Sayyid 'Uthman merupakan seorang alim *Qira'at*, lahir 1900 di Kampung Malamis, Markaz Minya al-Qamh, Negeri *Syarqiyyah*. Pernah mengajar di al-Azhar, menjadi Ketua Persatuan *Qari'*, ahli jawatankuasa Penyemaknan al-Quran al-Azhar dan di Sa'udi 'Arabia dll. Meninggal di pada 1988 di Madinah al-Munawwarah (Muhammad Salim Muhaysin 2002/1423H). Manakala antara guru-gurunya yang lain yang mengajar beliau dalam pelbagai bidang disiplin ilmu ialah, Shaykh Ahmad Muhammad Abu Zit Har, Shaykh 'Abd al-Fattah al-Qadi, Shaykh Mahmud Da'bis, Shaykh Ahmad 'Abd al-Rahim, Shaykh Mahmud 'Abd al-Daim, Shaykh Yasin Suwaylam, Shaykh Anis 'Ubadah dan ramai lagi.

Manakala antara anak didik Shaykh ialah Prof. Dr. Ahmad Khalid Yusuf Syukri: Pensyarah Jabatan Usuluddin, Fakulti Syariah, Universiti Yarmuk, Jordan, Shaykh ‘Abd. al-Haq’ Abd. al-Daim Sayf al-Qadi, pentahqiq kitab *Jamal al-Qurra’ wa Kamal al-Iqra’*, Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Mohamad, pensyarah Fakulti al-Quran dan al-Quran, Universiti Sains Islam Malaysia, Ustaz Rudaini Harun, guru Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu, Terengganu dan lain-lain.

## 2. Pengenalan Kitab *al-Hadi* dan Judul Lengkap

Pengenalan yang dimaksudkan ialah merangkumi judul kitab tersebut, tarikh penulisan, sebab dan faktor yang mendorong kepada penulisan dan segala isi kandungan perbahasannya. Nama penuh judul kitab yang bakal dibicarakan pendekatan penulisan ialah: “*al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asy wa al-Kasyf ‘an ‘Ilal al-Qira’at wa Tawjihih*”. Nama tersebut diperolehi dan telah disokong kuat melalui beberapa sumber berikut:

- i. Berdasarkan temuramah yang telah dilakukan oleh penulis sendiri dengan anak penulis buku tersebut, Yasir di pejabatnya di Kaherah, pada 17/12/2006 dan beliau telah mengesahkan judul buku tersebut (Yasir Muhammad 2006).
- ii. Pernyataan dan perakuan penulis kitab *al-Hadi* sendiri pada bahagian mukadimah buku tersebut yang menyebutnya dan menamakannya seperti nama tersebut (Muhammad Salim Muhaysin 1997/1417H).
- iii. Dinyatakan dalam bahagian lampiran kebanyakan buku-buku Shaykh Muhaysin yang dicetak semula oleh oleh Maktabah Dar Muhaysin dan juga melalui buku panduan/senarai terbitan maktabah tersebut (*Qa’imah Matbu’at Dar Muhaysin*).
- iv. Seperti mana nama judul yang telah disebut dan dinyatakan oleh pihak Maktabah Dar al-Jayl, Jordan yang pernah mencetak dan menerbitkan kitab tersebut pada tahun 1997M Muhammad Salim Muhaysin 1997/1417H).

Dinamakan dengan judul, *al-Hadi*, kerana penulisnya begitu mengharapkan daripada Allah Taala, agar ia boleh menjadi petunjuk dan penyuluh kepada sesiapa sahaja yang hendak mempelajari dan mendalami Ilmu *Qira’at*. Manakala dorongan untuk menulis karya tersebut ialah apabila beliau menyedari jumlah ‘pensyarahnya’ (Matan al-Tayyibah) amat sedikit dan ditambah lagi dengan kekurangan cetakannya. Berdasarkan pengamatan penulis, kitab *al-Hadi*, tidak pernah dinyatakan bilakah tarikh ianya mula ditulis oleh penulisnya. Pun begitu, ianya berjaya diselesaikan selepas solat Asar pada hari Khamis, 20 Rabiul Awwal 1410H bersamaan 19 Oktober 1989 di Madinah al-Munawwarah Muhammad Salim Muhaysin 1997/1417H).

Kitab *al-Hadi* dicetak sebanyak 3 juzuk dengan jumlah halamannya (dengan mengambil kira keseluruhan bilangan mukasurat yang ada) sebanyak 1,269 halaman. Susunan syarahannya adalah dengan mengikut susunan yang seperti mana terdapat dalam *Matn Tayyibah* sendiri, kecuali pada bahagian-bahagian tertentu yang akan dinyatakan nanti yang tidak dipatuhi oleh Shaykh Muhaysin. Berikut perincian penjelasan kandungannya dengan mengikut susunan juzuknya:

**Juzuk Pertama:** Juzuk pertama buku tersebut boleh dibahagikan kepada 2 bahagian besar seperti berikut: Bahagian pertama: Dimulakan bicara dengan mukaddimah penulis tentang tiga perkara berikut:

1. Pembukaan segala puji kepada Allah Taala daripada penulis terhadap segala nikmatNya, memperkenalkan al-Quran secara ringkas, perkara asas dalam penerimaan *Qira’at Quraniyyah* dan pengajaran Nabi s.a.w kepada semua sahabat r.a semua riwayat *Qira’at*. Secara ringkas juga dikemukakan pengenalan salah seorang gurunya yang amat disanjunginya sepanjang hayatnya, iaitu Shaykh ‘Amir al-Sayyid ‘Uthman. Dengan shaykh yang mempunyai *sanad Qira’at* tertinggi tersebutlah beliau telah mempelajari semua *Qira’at Quraniyyah*. (Juzuk 1, halaman 7-8)
2. Pengenalan ringkas kitab *al-Hadi* dan namanya dengan lengkap, Penulis juga menyatakan sebab-sebab penulisan kitab *al-Hadi* dan persembahannya secara ringkas dan penghujahan daripada penulis yang meletakkan surah al-Fatihah bersama-sama surah-surah al-Quran lain pada bahagian *farsy al-Huruf* (Juzuk 1, halaman 8-10).

3. Selepas sekali lagi menzahirkan rasa syukur kepada Ilahi di atas nikmat kebolehan dalam Ilmu *Qira'at*, beliau turut menjelaskan bagaimana beliau telah *mentalaqqikan Qira'at Sab'ah* dan *'Asyarah* selama 7 tahun dengan shaykhnya, Shaykh 'Amir al-Sayyid 'Uthman. Turut di lampirkan teks perakuan Shaykh 'Amir yang bertarikh 1953 yang membenarkan beliau mengajar Ilmu *Qira'at* (juzuk 1, 11-12).

Bahagian Kedua: Kandungan bahagian ini pembahagiannya bermula dengan mukaddimah Ibn al-Jazari sehinggalah selesai keseluruhan bab bahagian *usul* berserta dengan syarahannya.

**Juzuk Kedua:** Kandungannya bermula dengan syarah bahagian *farsy* yang disusun atur seperti mana terdapat dalam matan *Tayyibah* dan seperti mana susunan surah-surah al-Quran.

**Juzuk Ketiga:** Cara susunan isi kandungan juzuk ketiga juga adalah sama dengan juzuk yang kedua sebelum ini dan jika sekiranya dalam matan *Tayyibah* terdapat gabungan beberapa surah di bawah satu tajuk, penulis tidak akan terikat dengan cara tersebut, bahkan beliau akan mengasingkannya semula secara satu persatu secara bertajuk. Juzuk ketiga ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian: Bahagian Pertama: Syarahan surah-surah dan Bab al-Takbir; Bahagian Kedua: Lampiran

Penulis berpendapat, apabila dilihat kepada persembahan umum dan susunannya, akan dapat dilihat bagaimana penulisnya begitu teliti dan cermat dalam menyusun persembahan kitab syarah *Tayyibah* tersebut. Beliau telah mempersembahkan karyanya tersebut dengan mengikut tajuk-tajuk tertentu yang telah dibahagi-bahagikan bagi memudahkan para pembaca memahami kandungan *bayt-bayt Tayyibah* mengikut topik-topiknya yang sebenar. Jika diteliti, belum ada mana-mana pensyarah *Tayyibah* yang melakukan pendekatan yang seumpamanya, terutamanya ketika *bayt-bayt* matan tersebut dipecahkan kepada tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan kehendak matan itu sendiri.

### 3. Pendekatan Umum Syarahan Matan Kitab *al-Hadi*

Shaykh Muhaysin mempersembahkan syarahan kitabnya dengan mengikut susunan bab-bab sebagaimana yang terdapat dalam *Tayyibah* kecuali pada Surah al-Fatihah sahaja di mana beliau memasukkan bicara syarahannya dalam bahagian *farsy*. Alasan beliau ialah, dengan mengikut pengamalan sesetengah penulis sebelumnya yang telah pun lebih terdahulu melakukannya. Cara Shaykh Muhaysin tersebut tidak sama seperti mana pensyarah-pensyarah *Tayyibah* sebelumnya yang sepenuhnya mengikut susunan bab-bab yang terdapat didalamnya. Antaranya Abu al-Qasim al-Nuwayri dalam *Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asy* dan *al-Kawkab al-Duriyy fi Syarh Tayyibah Ibn al-Jazari*.

Penulis berpendapat, adalah lebih baik beliau mengikut sepenuhnya susunan syarahan bab-babnya seperti mana yang terdapat dalam asal matan *Tayyibah*. Hujah penulis:

- i. Supaya tidak timbul apa jua bentuk kekeliruan kepada pembaca.
- ii. *Al-Hadi* adalah syarah matan '*Tayyibah*', maka semestinya ianya mematuhi sepenuhnya susunan-susunan asal bab-bab yang terdapat di dalamnya untuk tujuan penyeragaman dan penyelarasan.
- iii. Alasan mengikut pengamalan sesetengah penulis-penulis terdahulu tidak dapat diterima, kerana semua penulisan yang disebut oleh Shaykh Muhaysin tersebut bukannya syarah *Tayyibah*.

Walaupun ada kelainan dengan susunan asal matan *Tayyibah* pada meletakkan syarahan surah al-Fatihah di awal bahagian *farsy*, ia tidak mengurangkan kekuatan, kualiti dan sumbangan *al-Hadi* sebagai salah satu syarahan matan *Tayyibah* yang jarang-jarang dihasilkan.

Kaedah-kaedah umum syarah matan yang dimaksudkan oleh penulis ialah kerangka kasar cara persembahan syarah *al-Hadi*. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian, mukaddimah dan *usul* dan *farsy*.

### 3.1 Bahagian Mukaddimah dan Usul

Oleh kerana mukaddimah *Tayyibah* tidak banyak, maka penulis merasakan bersesuaian ianya digabungkan sekaligus dengan *usul*. Berikut kaedah-kaedah umum syarahan kedua-duanya:

- i. Setiap kali sebelum memulakan syarahan matan pada mana-mana juzuk kitab al-Hadi, penulisnya akan mendahulukan secara khusus dengan menyebut satu hadith yang berkaitan dengan *ahruf sab'ah*. (Juzuk 1-3, halaman 5,5, & 5).
- ii. Syarah mukaddimahnya dipersembahkan secara tematik yang dibahagikan kepada tajuk-tajuk khusus yang setiap satu di bawahnya terdapat beberapa *bayt* matan yang sememangnya hanya berkait dengan tajuk-tajuk tersebut. Tajuk-tajuk tersebut ialah:
  - a. (مقدمة ابن الجزرى): Mukaddimah Ibn al-Jazari.
  - b. (فضل حملة القرآن): Kelebihan Ahli-Ahli al-Quran.
  - c. (فضل قراءة القرآن): Kelebihan Bacaan al-Quran.
  - d. (أركان القراءة الصحيحة): Rukun-Rukun *Qira'at Sahihah*.
  - e. (الأدلة على نزول القراءات): Dalil-Dalil Penurunan *Qira'at*.
  - f. (بيان المراد من الأحرف السبعة): Penjelasan Maksud Huruf-Huruf Tujuh.
  - g. (الأئمة العشرة ورواتهم العشرون وسلسلة أسانيدهم حتى رسول الله صلى الله عليه وسلم): Imam-Imam Sepuluh Dan *Rawi-Rawi* Mereka Dan Salsilah *Sanad-Sanad* Mereka hingga Kepada Rasulullah (s.a.w.).
  - h. (الطرق الثمانون): 80 *Tariq*.
  - i. (نظم الطرق الثمانون): Syair-Syair 80 *Tariq*. (Penulis tidak dapat memastikan dari sumber manakah *bayt-bayt* syair tersebut diambil? Apa yang dinyatakan oleh penulis '*al-Hadi*' ialah ianya diambil daripada sesetengah ulama'.
  - j. (الرموز الحرفية): *Rumuz-Rumuz* Berbentuk *Harfiyyah*.
  - k. (الرموز الكلمية): *Rumuz-Rumuz* Berbentuk Kalimah.
  - l. (من مصطلحات ابن الجزرى): Daripada Istilah-Istilah Ibn al-Jazari.
  - m. (استعمال الأضدادية): Penggunaan Kaedah Berlawan.
  - n. (ابن الجزرى يشيد بمكانة ألفيته: الطيبة): Ibn al-Jazari menyanjung kedudukan matannya: *Tayyibah*.
  - o. (الحديث عن مخارج الحروف): Bicara Tentang *Makhrāj* Huruf.
  - p. (الحديث عن صفات الحروف): Bicara Tentang Sifat Huruf.
  - q. (الحديث عن الصفات التي لا ضد لها): Bicara Tentang Sifat Yang Tiada Lawan.
  - r. (أقسام الصفة من حيث القوة والضعف): Bahagian-Bahagian Sifat Dari Sudut Kekuatan dan Kelemahan.
  - s. (الحديث عن كيفية قراءة القرآن): Bicara Tentang Tatacara Bacaan al-Quran.
  - t. (حكم تعلم التجويد وبيان معناه): Hukum Mempelajari Tajwid dan Penjelasan Maknanya.
  - u. (بعض أحكام التجويد): Sesetengah Hukum-Hukum Tajwid.
  - v. (أقسام الوقف): Bahagian-Bahagian Waqaf.
  - w. (القطع والوقف والسكت): *al-Qat'*, Waqaf dan Saktah.

Jika diamati kepada pecahan tajuk-tajuk di atas, penulis berpendapat ada tajuk-tajuk yang boleh digabungkan dibawah satu tajuk sahaja, seperti tajuk ke 22 dan 23 kerana kedua-duanya membincangkan tajuk waqaf yang saling berkait antara satu dengan yang lain (Juzuk 1, halaman 113-116). Jika dipisahkan ia boleh menimbulkan salah faham dengan anggapan kedua-dua topik tersebut adalah berlainan.

- iii. Pada bahagian *usul*, penulis *al-Hadi* mematuhi sepenuhnya susunan tajuk-tajuk yang terdapat dalam *Tayyibah* yang bermula dengan *Bab Isti'adhah* hingga *Bab Ifrad al-Qira'at*, kecuali Surah al-Fatihah yang tidak dimasukkan pada bahagian *usul*, bahkan ianya dimasukkan di awal bahagian *farsy* (Juzuk 1, halaman 117-430).

- iv. Setiap kali sebelum *bayt-bayt Tayyibah* disebut, samaada pada mukaddimah atau pun *usul*, akan didahulukan dengan kata-kata: (قال ابن الجزرى): "Telah berkata Ibn al-Jazari", selepas itu barulah disebut *bayt* yang hendak disyarahkan. Setiap kali sebelum syarahan *bayt* bermula juga, beliau akan dahulukan dengan lafaz: (المعنى): ...

Contohnya:

قال ابن الجزرى:

قال محمد هو ابن الجزري يا ذا الجلال ارحمه واستر واغفر  
المعنى: بدأ المؤلف رحمه الله تعالى "محمد بن محمد بن محمد بن علي بن يوسف" المعروف بابن الجزرى ...

Beliau sangat konsisten dalam mematuhi cara tersebut yang bukan hanya melibatkan bahagian ini sahaja bahkan pada bahagian *farsy*.

- v. Jumlah *bayt* yang dikumpulkan dalam satu-satu syarahan tidak ditetapkan hadnya. Terkadang dengan setengah *bayt* sahaja, terkandung satu, terkandung satu setengah, terkadang dua atau lebih dan yang paling banyak pada bahagian ini ialah dengan 6 *bayt*. Kaedah syarahan tersebut, sebenarnya bergantung kepada kesesuaian topik/tajuk dan isu yang hendak dibincangkan. Sebagai contoh, diasingkan *bayt-bayt* yang berada di bawah tajuk: (أركان الفقرة الصحيحة) dengan 2 *bayt* selepasnya, yang kemudiannya disyarahkan secara khusus (Juzuk 1, halaman 19-20):

vi.

قال ابن الجزرى:

وليجهتهد فيه وفي تصحيحه على الذى نقل من صحيحه  
فكل ما وافق وجه نحو وكان للرسم احتمالا يحوى ...

Manakala 2 *bayt* selepasnya yang membicarakan tajuk: (الأدلة على نزول القراءات) ialah:

قال ابن الجزرى:

وأصل الاختلاف أن ربنا أنزله بسبعة مهونا  
وقيل فى المراد منها أوجه وكونه اختلاف لفظ أوجه

- vii. Penulis selalu mendahulukan sebutan matan sebelum syarahan. Namun, terdapat sekali beliau dahulukan syarahan dan mengkemudiankan sebutan *matan*, iaitu pada bicara sifat huruf yang tidak berlawanan (Juzuk 1, halaman 95-96).
- viii. Banyak menggunakan *hadith-hadith* sewaktu syarahan bahagian mukaddimah terutamanya. Bahkan terkadang memadai dengan syarahan yang dilakukan dengan hanya menyebut *hadith-hadith* Rasulullah (s.a.w.). Contohnya, ketika syarahan di bawah tajuk: (فضل حملة القرآن) dan (فضل قراءة القرآن) (Juzuk 1, halaman 95-96).
- ix. Penggunaan lafaz: (والله أعلم) setelah tamat syarahan *bayt-bayt* tertentu pada bahagian mukaddimah dengan 3 cara:

a. Setelah tamat 7 tajuk pertama yang bermula dengan tajuk: (مقدمة ابن الجزرى) sehingga tajuk: (الأئمة العشرة) (Juzuk 1, Halaman 95-96).

b. Selepas tamat dua tajuk iaitu: (الطرق الثمانون) dan (الرموز الحرفية) dan tajuk: (الرموز الكلمية) dan (من مصطلحات ابن الجزرى) (Juzuk 1, halaman 71-76).

c. Manakala tajuk-tajuk berikutnya disudahi dengan lafaz tersebut secara satu persatu (Juzuk 1, halaman 77-115).

Setelah tamat semua tajuk-tajuk bahagian mukaddimah, beliau sudahi dengan lafaz: (تمت مقدمة ابن الجزرى ومصطلحاته والله الحمد والشكر) (Juzuk 1, halaman 116).

Manakala pada bahagian *usul*, sebagai contohnya, akan ditutupi setiap tajuk dengan lafaz: (تم باب الإدغام والله الحمد), (تم باب البسملة والله الحمد), (تم باب الاستعاذة والله الحمد) (Juzuk 1, halaman 117-157) dan begitulah seterusnya.

- x. Sebelum syarahan *bayt-bayt* bermula di awal setiap bab, akan dibicarakan pengenalan dan takrif setiap bab tersebut dengan jelas terlebih dahulu. Contohnya, pada pendahuluan bicara Bab *Idgham*, Bab *Ha'al-Kinayah*, Bab *Mad* dan lain-lain, akan dibicarakan pengenalan setiap bab tersebut (Juzuk 1, halaman 127-128; 159-160; 169-170). Cara pengenalan tersebut terkadang sebelum bermula syarahan *bayt* dan inilah cara yang kerap dilakukan dan terkadang ketika proses syarahan berlaku dan ianya jarang berlaku (Juzuk 1, halaman 127-128; 159-160; 169-170).
- xi. Penulis terkadang turut menyatakan rasional Ibn al-Jazari yang menyusun bab-bab dalam *usul* dari segi terdahulu atau terkemudian. Namun pada kebanyakannya beliau tidak akan menyatakan rasionalnya, seperti pada *Ha'al-Kinayah* dan seterusnya. (Lihat juzuk 1, halaman 159). Contohnya, sebab-sebab didahulukan susunan Bab Bacaan *Isti'adhah*, Bab Bacaan *Basmalah*, Bab *Idgham* berbanding dengan bab-bab lain dan sebab dikemudiankan Bab Ya' Tambahan Untuk *Mutakallim* dan Bab *Madhhab Qurra'* Pada *Ya'* Tambahan berbanding dengan bab-bab lain (Juzuk 1, halaman 117;121;127;409).
- xii. Jika ada apa-apa penambahan atau penjelasan kepada syarahan matan yang telah dilakukan, beliau akan membicarakannya di bawah dua lafaz berikut:
- a. (فائدة): Faedah. Penggunaan lafaz tersebut berlaku pada tiga tempat:
1. Pada bahagian mukaddimah (pada bahagian sifat huruf) ketika memberi Shaykh Muhaysin membicarakan formula untuk mengetahui sifat-sifat huruf (Juzuk 1, halaman 96).
  2. Pada bahagian *usul*, apabila penulis membuat rumusan semula bicara *khilaf Qurra'* pada bab dua huruf *hamzah* yang terdapat dalam dua kalimah yang bersamaan baris (juzuk 1, halaman 211).
  3. Pada bahagian *farsy*.
- b. (تنبيه): Peringatan: Lafaz ini banyak digunakan oleh penulis, contohnya ketika membuat penjelasan *idgham* huruf *ta'* kepada *ta'* oleh Abu 'Amru pada ayat: (بِتَطَائِفَةٍ مِنْهُمْ غَيْرِ الَّذِي تَقُولُ) (al-Nisa' (4): 81) samaada ketika *qasr* atau *mad* atau samaada *ibtal hamzah mufrad* atau *tahqiq*. *Idgham* tersebut berbeza dengan kaedah asal Abu 'Amru yang tidak membaca dengan *idgham* ketika *tahqiqhamzah mufrad* dan ketika *mad* (Juzuk 1, halaman 130). Atau contohnya, membuat ingatan pada perkara-perkara yang tidak disebut dalam al-Tayyibah. Contohnya beliau membuat (تنبيه), bahawa *Qurra'* bersepakat mengatakan bahawa kadar *Mad Wajib Muttasil* tidak ada dengan dua *harakat (qasr)*. (Juzuk 1, halaman 173) dll.
- xiii. Cara menyebut nama *Qurra'* atau *rawinya* ketika syarahan *usul* dengan dua cara:
- a. Dengan didahulukan nama *Qurra'* atau *rawinya* dan dikemudiankan tempat yang *dikhilafkan* serta cara bacaannya (Juzuk 1, halaman 161-164). Cara ini termasuklah samaada dengan cara menyebut: (... اختلف القراء): "Para *Qurra'* berselisih..." yang kemudiannya akan disebut nama *Qurra'* atau *rawi* dengan lafaz: (... قرأ المرموز له): "Telah membaca yang dirumuskan dengan ... atau dengan cara terus menyebut nama mereka (Juzuk 1, halaman 188-193; 195).
- b. Dengan cara menyebut tempat *khilaf* atau cara bacaan dahulu dan kemudiannya disebut siapa yang membacanya daripada kalangan *Qurra'* (Juzuk 1, halaman 177; 178; 187; 189; 241).
- xiv. Cara menyebut nama *Qurra'* ketika *khilaf* satu-satu bacaan pada bahagian *usul*:
- a. Disebut nama *Qurra'* pembaca wajah pertama tetapi *Qurra'* yang membaca wajah kedua hanya dengan menyebut: (... وقرأ الباكون): "Bacaan baki *Qurra'* lain...". (tanpa disebut nama mereka). Contohnya *khilaf* pada surah al-A'raf ayat 113: (إِنَّ لَنَا لَأَجْرًا). Penulis menyatakan, bahawa Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu Ja'far dan Hafsh membaca kalimah: (إِنَّ) dengan satu *hamzah* sahaja. Manakala baki *Qurra'* lain (tanpa dinyatakan nama mereka) membacanya dengan 2 *hamzah* (Juzuk 1, halaman 192; 280;281). Inilah cara yang paling banyak dipraktikkan dalam 'al-Hadi' samaada pada bahagian *usul* atau pun pada *farsy* nanti.

- b. Sama seperti cara pertama, tetapi jarang dipraktikkan. Iaitu selepas disebut: (الباقون) akan disebut nama *Qurra'* satu persatu (Juzuk 1, halaman 163;189).
- xv. Cara penulis menyebut kalimah-kalimah yang *diklilafkan* bacaannya pada bahagian *usul* ialah seperti mana berikut:
- a. Dengan menyebut mana-mana kalimah yang *dikhilafkan* dan sejeurus selepas itu akan disebut sekali lagi kalimah tersebut dengan dinyatakan surah dan nombor ayat samaada dalam bentuk beberapa kalimah, seperti disebut: (احتلف القراء في "ويتقه" من قوله تعالى "ويخش") (Juzuk 1, halaman 163) atau dalam bentuk ayat yang lengkap seperti kata penulis: (قرأ المرموز له بالميم من "مز" وهو: "ابن ذكوان") (الله ويتقه فأولئك هم الفائزون" (سورة النور الآية 52) ... "ءأسجد من قوله تعالى: (وإذ قلنا للملائكة اسجدوا لآدم فسجدوا إلا إبليس قال ءأسجد لمن خلقت طينا)(Juzuk 1, halaman 195). Cara pertama banyak digunakan dalam *al-Hadi* dan manakala cara kedua jarang digunakan. Penulis berpendapat, penulis *al-Hadi* hanya akan menyebut ayat yang sempurna sekiranya ayat tersebut pendek. Manakala pada ayat-ayat yang panjang, hanya disebut dalam bentuk beberapa kalimah sahaja.
- b. Kekerapan menyebut kalimah yang *dikhilafkan* dengan dua cara:
1. Terkadang apabila sesuatu kalimah tersebut berlaku pengulangan dalam banyak surah, penulis hanya akan menyebut tempat yang pertama sahaja dan beliau akan mengisyaratkannya dengan berkata: "Begitulah cara bacaannya di semua tempat dalam al-Quran". Contohnya dalam *Bab Hamzah al-Mufrad*, ketika beliau membicarakan bacaan Asbahani dengan *ibdal* huruf *hamzah* menjadi *waw* pada kalimah: (فؤاد): "Begitulah cara bacaannya di semua tempat dalam al-Quran" (Juzuk 1, halaman 229).
  2. Terkadang beliau akan menyebut semua sekali. Contohnya pada: "Asim membaca kalimah: (يأجوج ومأجوج) dengan huruf *hamzah* dalam surah al-Kahf ayat 94 dan al-Anbiya' ayat 96" (Juzuk 1, Halaman 222).
- xvi. Cara menyebut dan menjelaskan *rumuz* yang terdapat dalam matan al-Tayyibah:
- a. Sewaktu syarahan, cara yang banyak digunakan oleh penulis ialah dengan disebut *rumuz* dan dinyatakan siapakah yang dimaksudkan dengannya (Juzuk 1, halaman 374-384). Contohnya: Berkata Ibn al-Jazari: (وخلف القهار البوار فضلا): Penulis berkata: "Penulis *bayt* (Ibn al-Jazari) memberitahu baha'wa yang *dirumuzkan* dengan *fa'* pada: (فضلا) iaitu Imam Hamzah yang membaca dengan dua wajah: (*taqlil* dan *imalah*) pada kalimah (القهار) di semua tempat dalam al-Quran dan begitu jugalah kalimah (البوار)" (Juzuk 1, halaman 314-315).
- b. Dengan tidak menyebut *rumuz* yang terdapat dalam matan asal al-Tayyibah bahkan terus disebut nama *Qurra'* atau *rawi* yang berkenaan. Contohnya pada *bayt*: (... وخلف ... كالقري التي وصلا يصف). Shaykh Muhaysin tidak menyebut *rumuz* huruf *ya'* pada kalimah (يقصف) iaitu *rumuz* untuk al-Susiyy, bahkan terus disebut namanya (Juzuk 1, halaman 327).

### 3.2 Bahagian Farsy

Bahagian *Farsy*, dimulakan oleh penulis *al-Hadi* dengan Surah al-Fatihah dan disudahi dengan Surah al-Nas (seperti mana susunan al-Quran). Berikut pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh penulis pada bahagian tersebut:

- i. Seperti mana pada bahagian *usul*, bahagian *farsy* juga dibahagi-bahagikan syarahannya secara bertajuk dengan mengikut surah-surah tertentu secara satu persatu. Penulis tidak pernah mencampurkan syarahan antara satu surah dengan surah yang lain (di bawah satu terdapat pelbagai surah) walaupun dalam matan asal *Tayyibah* terkadang terdapat gabungan beberapa surah di bawah satu tajuk. Seperti, tajuk: "*Surah al-Ra'd wa Uktayha*", "*Surah al-Insan wa al-Mursalat*", "*Wa min Surah al-Naba' ila Surah al-Tatfif*", "*Wa min Surah al-Syams ila Akhir al-Quran*" dan lain-lain.
- ii. Pada mana-mana surah yang tiada *khilaf*, penulis tidak akan menyatakan tajuknya atau menyebutnya dengan khusus (seperti mana surah-surah lain yang ada *khilaf*), bahkan hanya dinyatakan selepas menyebut perkataan: (تنبيه), akan disebut satu persatu surah-



- surah yang tiada *khilaf* tersebut .
- iii. Nama-nama surah yang berkait dengan nama-nama para nabi dan rasul beliau akan menambah ‘*alaiyh al-Salam* atau ‘*alayhim* atau ‘*alayh al-Solah wa al-Salam*.
- iv. Penulis mempersempatkan langkah pertama syarahan *bayt*nya samalah seperti mana yang dilakukan pada bahagian mukaddimah dan *usul* sebelum ini, iaitu dengan caramenyebut: (قال ابن الجزرى) yang kemudiannya disebut matan yang hendak disyarah dan akan disebut: (المعنى) dan seterusnya syarahannya.
- v. Cara pembahagian *bayt-bayt* syair yang hendak disyarah:
- a. Cara yang paling banyak yang digunakan ialah dengan membahagikan *bayt-bayt* dengan mengikut setiap kalimah yang *dikhilafkan* yang terdapat dalam *bayt* tersebut walaupun ianya setengah *bayt* sahaja. Contohnya ketika syarah *bayt*: (... كَفَلَهَا التَّقْلُ كَفَى): “*Rumuz* (كفى) iaitu Imam ‘Asim, Hamzah dan Khalaf membaca *kālimah*: (كَفَلَهَا) dengan *tasydid* huruf *fa*’...” (Juzuk 2, 107;108-113).
- b. Pembahagian *bayt* yang terdapat padanya dua atau lebih kalimah yang *dikhilafkan* tetapi ianya masih dalam ayat yang sama. Contohnya pada *bayt*: (ضم استحق افتح وكسر) (علا والأوليان الأولين ظللا صفو فتى), ianya disyarahkan dengan menghimpunkan dua *khilaf* iaitu *kālimah* (استحق) dan (الأوليان) namun kedua-duanya berada dalam ayat yang sama. Antara contoh lain, *bayt* yang terhimpun 5 kalimah yang *dikhilafkan* tetapi juga masih pada ayat yang sama ialah: (والعين والعطف ارفع الخمس رنا وفي الجروح ثعب حبركيم ركا). 5 kalimah tersebut ialah (والعين، والعطف، والأذن، والسِّن، والجُروح) yang difahamkan daripada kata-kata Ibn al-Jazari (ارفع الخمس) (Juzuk 2, halaman 17; 180) dll.
- c. Pembahagian *bayt* yang terdapat padanya pelbagai kalimah yang *dikhilafkan* yang terdapat dalam:
1. Pelbagai surah namun cara bacaannya sama oleh sesetengah *Qurra*’. Seperti pada *bayt*: (... وقيل غيض جى أشم فى كسرهما الضم رجا غنى لزم وحيل سيق كم رسا غيث) (*Bayt* tersebut menghimpunkan 6 kalimah yang berbeza iaitu (قيل، غيض، جىء، حيل، سيق، سيئت) yang dibaca dengan *isymam* oleh beberapa *Qurra*’ (Juzuk 2, halaman 21) dan lain-lain.
  2. Surah yang sama yang mempunyai pelbagai kalimah yang *dikhilafkan* dalam ayat yang berbeza. Contohnya pada *bayt*: (وقى الظنونا وقتا مع الرسولا والسبيلا) (*Bayt* dalam surah al-Ahzab tersebut terdapat bicara *khilaf* pelbagai *kālimah*, iaitu: (الظنونا، الرسولا، السبيلا)).
- d. Pembahagian berdasarkan kepada *khilaf* kalimah atau *wazan* yang sama tetapi dalam surah yang berlainan. Contohnya pada *bayt*: (ونجى الخف كيف وقعا .... وثقل صف كم) yang menghimpunkan kalimah (نَجى) dalam pelbagai bentuk dan pada *bayt*: (فى الوصل تا تيمموا) (اشدد تلقف تله لا تنازعوا تعارفوا تفرقوا تعاونوا تانابوا ..... وللسكون الصلة امدد والألف) yang terhimpun padanya pelbagai kalimah *fi’l mudari*’ yang ditulis dengan satu huruf *ta*’ dengan *wazan*: (تفاعل) dan (تفعّل) pada 31 tempat dalam al-Quran yang dibaca oleh sesetengah *Qurra*’ dengan *tasydid ta*’... (Juzuk. 2. hlm 91-94)
- vi. Pada bahagian *farsy* terdapat beberapa lafaz yang digunakan oleh penulis di awal syarahan setiap *bayt* yang telah ditentukan oleh penulis:
- a. Dengan menggunakan lafaz: (اختلف القراء): “*Qurra*’ berselisih”. Inilah lafaz yang paling banyak digunakan oleh penulis *al-Hadi*. sewaktu syarahan *farsy* berlaku. (Juzuk 2. hlm 341-360 dan semua halaman jilid 3).
  - b. Dengan menggunakan lafaz: (أخبر الناظم): “*Nazim* (Ibn al-Jazari) memberitahu” (Juzuk 2. h. 19, 24 dan 25).
  - c. Dengan lafaz: (أمر الناظم) “*Nazim* mengarahkan” (Juzuk 2, hlm 24, 26 dan 27.)
  - d. Dengan lafaz: (قرأ المرموز له/لهم): “Telah membaca yang dirumuskan dengan” (Juzuk 2. Hlm. 32-42)
  - e. Dengan lafaz: (قرأ): “telah membaca” dan disebut selepasnya nama *Qurra*’ yang berkenaan (Juzuk 2, hlm 13 dan h. 84-85)

- f. Sekali dengan lafaz: (إعلم): "Ketahuliah" (Juzuk 2, hlm 15).  
Inilah lafaz-lafaz/perkataan-perkataan yang digunakan oleh penulis di awal setiap syarahan *bayt* pada bahagian *farsy*.
- vii. Cara menyebut kalimah yang *dikhilafkan*:  
a. Cara yang paling banyak digunakan ialah dengan menyebut kalimah tersebut dan diulangi sekali lagi dalam samaada dalam bentuk ayat yang sempurna atau tidak.  
b. Tidak disebut kalimah tersebut bahkan terus dinyatakan dalam bentuk beberapa patah kalimah. Cara ini jarang dilakukan oleh penulis.  
Penulis juga akan menyatakan surah dan nombor ayat yang disebut dalam setiap syarahan.
- viii. Cara penggunaan/menyebut *rumuz-rumuz* yang terdapat dalam *bayt*:  
a. Dengan cara terus menyebut nama-nama *Qurra'* tanpa disebut *rumuznya* walaupun dalam *bayt* asal ianya disebut. Namun cara dan pendekatan sedemikian jarang berlaku.  
b. Jika dalam *bayt* tidak terdapat *rumuz* bahkan disebut nama *Qurra'* maka penulis mengikut cara tersebut dalam syarahannya.  
c. Disebut *rumuz* yang terdapat dalam *bayt* dan akan disandarkan kepada para *Qurra'* (Juzuk 3, hlm 1-20). Inilah cara yang paling banyak dipraktikkan.
- ix. Jika dalam *bayt* terdapat dua atau lebih wajah bacaan bagi mana-mana *Qurra'*, gaya sebutan *rumuz* oleh penulis ketika syarahan dengan dua cara:  
a. Dengan cara mengkemudiankan *rumuz* yang sepatutnya didahulukan, contohnya pada *bayt*: (منسأته أبدل حفا مدا سكون الهمز لى الخلف ملا). Ketika syarahan penulis mendahulukan sebutan *rumuzmim* untuk Ibn Zākuan pada (ملا) dan mengkemudiankan *rumuzlam* untuk *Hisyam* pada (لى), yang membaca dengan dua wajah sebagaimana difahamkan daripada kata-kata Ibn al-Jazari dengan: (الخلف) (Juzuk 3, hlm 153).  
b. Dengan mematuhi sebutan *rumuz* seperti mana yang terdapat dalam *bayt* asal (Juzuk 3, hlm 308, 331, 335 dan 357)
- xvii. Cara menyebut nama *Qurra'* dan kalimah yang *dikhilaf* ketika syarahan:  
a. Kebanyakannya dengan didahulukan sebutan nama *Qurra'* dahulu dan kemudiannya disusuli dengan kalimah yang *dikhilafkan*.  
b. Terkadang didahulukan menyebut kalimah yang *dikhilafkan* (Juzuk 3, hlm 308, 331, 335 dan 357).
- xviii. Penjelasan lafaz: (باقى القراء): "Baki *Qurra'* lain"... Cara penghuraiannya sama dengan bahagian *usul*, iaitu terkadang tidak dinyatakan nama mereka bahkan memadai dengan lafaz tersebut sahaja (Juzuk 2, hlm. 268-300 dan Juzuk 3, hlm 8-30) dan terkadang (jarang-jarang) akan disebut nama-nama yang dimaksudkan dalam lafaz tersebut satu persatu (Juzuk 2, hlm 19 dan 41 dan Juzuk 3, hlm 79, 91 dan 100).
- xix. Penggunaan lafaz: (حيث وقع): "Di mana sahaja terdapat...", untuk menjelaskan kalimah-kalimah yang *dikhilafkan* yang terdapat dalam pelbagai surah. Contohnya ketika penulis berkata: (... وأرنى "حيثما وقعا فى القرآن الكريم ...) maka caranya dengan dua cara:  
a. Terkadang memadai dengan menyebut sesetengah kalimah sahaja, bukan semua. (Juzuk 2, hlm 39, 56, 58 dan 108).  
b. Semua kalimah yang *dikhilafkan* dalam semua surah al-Quran akan disebut (Juzuk 2, hlm 45, 50, 110 dan 187).  
Penafsiran ayat-ayat: Terkadang penulis *al-Hadi* turut melakukan penafsiran pada kalimah-kalimah yang *dikhilafkan*. Sebagai contoh penafsiran *khilaf* kalimah (صدق), (الضعف) (Saba'), (مستقر), (al-Qamar) dan kalimah (عرف) (al-Tahrim). (Juzuk 3, hlm 157, 160, 255 dan 291).
- xx. Penggunaan lafaz-lafaz: (تنبيه), (فائدة نحوية) dan (مهمة):  
a. Lafaz (تنبيه) digunakan:

i. Jika ada penambahan kepada syarahan *bayt* yang telah dilakukan. Contohnya selepas membicarakan *khilaf Qurra'* dalam surah al-Kahf pada kalimah: (لكننا), penulis berkata: تنبيه (Perhatian): “Para *Qurra'* ‘Asyarah bersepakat mewaqaqkan kalimah tersebut dengan *alif*...” (Juzuk 3, hlm 13).

ii. Untuk membicarakan kalimah-kalimah yang dikecualikan (قيد) cara bacaannya daripada kaedah asal yang terdapat dalam *bayt-bayt*. Contohnya ketika syarah *bayt* dalam surah al-Nur: (وأولى أربع صحب), penulis berkata: “... *rumuz* (صحب), iaitu Hafs, Hamzah, al-Kisa'iy dan Khalaf al-'Asyir membaca huruf 'ain pada kalimah (أربع) yang pertama dengan baris hadapan...” Selanjutnya selepas lafaz (تنبيه) beliau menyebut kalimah yang sama pada tempat kedua dalam surah tersebut tetapi cara bacaannya tidak sama atau dengan kata lain ianya tidak menjadi *khilaf* di sisi para *Qurra'* (, Juzuk 3, hlm 84 dan lihat juga hlm 85. Antara contoh-contoh lain lihat Juzuk 2, hlm 82 dan 126 dan Juzuk 3, hlm 84, 85, 131, 133 dan 262. ).

Terkadang terdapat juga penulis menyebut (قيد) tanpa didahului dengan lafaz (تنبيه). (Juzuk 2, hlm 37).

iii. Selepas lafaz (تنبيه) juga digunakan oleh penulis untuk membicarakan isu-isu yang berkaitan dengan *Rasm al-Quran*. Penulis seringkali membicarakan perbezaan-perbezaan tatacara penulisan yang terdapat antara *masahif* yang ditulis di zaman Saydina 'Uthman dan hubungannya dengan wajah-wajah *Qira'at Quraniyyah*. Contohnya pada kalimah: (ويقول) dalam surah al-Maidah, selepas lafaz: (تنبيه) penulis menjelaskan bahawa dalam *mashaf* Kufah dan Basrah ditulis dengan huruf *waw* di awal kalimah tersebut dan cara tersebut bertepatan dengan *Qira'at* mereka. Manakala dalam *mashaf* Madinah, Makkah dan Syam pula kalimah tersebut ditulis tanpa huruf *waw* di awalnya dan inilah *Qira'at* yang menjadi amalan mereka (penduduk-penduduk Islam negeri-negeri tersebut (Juzuk 2, hlm 174. Antara contoh-contoh lain ialah lihat Juzuk 2, hlm 175, 284, 295, 296 dan Juzuk 3, hlm 161, 169, 222 dan 258).

Namun, terkandung penulis mengketengahkan isu-isu *rasm* tersebut tanpa didahulukan dengan lafaz tersebut, bahkan diterus bicara *rasmnya* (Juzuk 3, Hlm 12, 194, 195, 262, 268 dan 357)

iv. Perkataan: (تنبيه) juga digunakan oleh penulis untuk memberitahu dan menyatakan surah-surah yang tidak terdapat *khilaffarsy* di sisi para *Qurra'*. Seperti surah Jumu'ah, al-Bayyinah, al-Zalzalah, al-'Adiyat, al-Qari'ah, al-'Asr, al-Fil dan lain-lain (Juzuk 3, hlm 284, 359, 360 dan 362. Lihat juga hlm 363 dan 364).

b. Lafaz: (فائدة نحوية). Dalam bahagian *farsy* lafaz tersebut digunakan sekali sahaja ketika membicarakan permasalahan *nahw* yang ada kaitan dengan kalimah yang di*khilafkan* (Juzuk 2, hlm 154).

c. Lafaz: (مهمة) digunakan sebanyak tiga kali, pertamanya ketika penulis menolak dengan hujah-hujah yang kuat terhadap dakwaan yang mengatakan wajah bacaan Ibn 'Amir dalam surah al-An'am ayat 137 tidak mengikut kaedah *nahw* dan bahasa yang sebenar. Ibn 'Amir membaca kalimah: (زين) dengan *dommahzai* dan *kasrahya'*, (قتل) dengan *raf' lam* dan (أولادهم) dengan *nasb*. Shaykh Muhaysin menolak dakwaan tersebut dengan berhujahkan kepada percakapan orang-orang Arab melalui syair-syair mereka, *hadith* dan yang paling kuat ianya *thabit* secara *tawatur* (Juzuk 2, hlm 220). Keduanya ketika membincangkan permasalahan *nahw* yang berkait dengan *khilaf Qira'at*. Ketiganya ketika bicara *Rasm al-Quran* yang ada hubungan dengan *Qira'at Quraniyyah*.

xxi. Setiap kali selesai syarahan *bayt-bayt* satu-satu surah yang ada *khilaf*, penulis akan menutupinya dan menyudahinya dengan kata-kata: (تمت سورة... والله الحمد والشكر), Seperti pada penutup surah al-Fatihah, al-Baqarah, Ali 'Imran dan lain-lain (Juzuk 2, hlm 19, 103 dan 137) kecuali pada surah-surah yang tiada *khilaf Qira'at Quraniyyahnya*.

Penulis berpendapat, jika dilihat kepada keseluruhan metode yang digunakan oleh penulis *al-Hadi*, sebenarnya ianya menunjukkan kepada kematangan penulis itu sendiri yang berjaya menghasilkan salah sebuah karya syarahan *Qira'at 'Asyarah* yang bermutu dan menarik yang bercirikan gaya bahasa dan pemahaman yang mudah.

#### 4. Analisa Pendekatan-Pendekatan Penulisan

Berdasarkan pendekatan-pendekatan penulisan yang telah dilakukan oleh Shaykh Muhaysin dalam kitab *al-Hadiny*, boleh dirumuskan kepada beberapa perkara berikut:

- i. Semua wajah *Qira'at Quraniyyah* yang dimuatkan dan yang dibicarakan dalam *al-Hadi* adalah *mutawatirah* dan *sahihah*.
- ii. Walaupun *al-Hadi* terkadang melakukan beberapa perubahan serta tidak mengikuti susun tertib matan *Tayyibah*, ia sebenarnya adalah bertujuan untuk mempersembahkan syarahannya kepada para pembacanya dengan lebih mudah dan senang difahami.
- iii. Penulisan dan segala pendekatan yang hendak dilakukan oleh penulis *al-Hadi* telah dirancang dengan sebaik mungkin. Buktinya boleh dilihat kepada susunan persembahannya yang menarik dan tersusun.
- iv. *Al-Hadi* telah mensyarahkan matan *Tayyibah* dengan gaya bahasa yang mudah dan senang difahami.
- v. Meletakkan syarahannya di bawah tajuk-tajuk yang beliau sendiri wujudkan dan himpunan *bayt-bayt* di bawahnya sememangnya sesuai dengan tajuk yang dikemukakan.
- vi. Ayat-ayat al-Quran, *hadith-hadith* dan juga *bayt-bayt Tayyibah* telah dibariskan dan *ditakhrijkan* dengan sebaik mungkin oleh penulis *al-Hadi*.
- vii. Pentawjihan *wujud al-Qira'at al-Quraniyyah* dilakukan dengan secara ringkas sahaja tanpa panjang lebar yang boleh menyusahkan pembaca.
- viii. Isu-isu yang berkaitan dengan *Rasm al-Quran* menjadi salah satu agenda utama yang seringkali dibicarakan oleh penulis.
- ix. Shaykh Muhaysin bukan hanya membicarakan syarahan sahaja, bahkan beliau kerap kali mempertahankan dengan penuh bersemangat terhadap segala tuduhan dan kritikan yang dibangkitkan oleh sesetengah golongan terhadap *Qira'at Quraniyyah* dari semua sudut.

#### 5. Kesimpulan

Kitab *al-Hadi* dipersembahkan oleh penulisnya secara bertajuk, yang walaupun dalam matan asal *Tayyibah* sudah ada tajuk-tajuknya yang besar namun beliau pecah-pecahkan lagi kepada tajuk-tajuk yang lebih spesifik. Contohnya pada bahagian mukadimah beliau telah membuat tajuk-tajuk khusus yang bersesuaian dengan beberapa *bayt* matan yang hendak disyarahkan. Cara tersebut sebenarnya akan lebih 'mendekati' para pembacanya dan mudah difahami. Manakala pada bahagian *farsy* beliau tetap asingkan syarahan surah-surah secara satu persatu yang walaupun dalam matan asal ada penggabungan sesetengah surah di bawah satu tajuk.

Karya tersebut juga begitu penting, istimewa serta besar sumbangannya kerana, semua wajah-wajah *Qira'at* yang dimuatkan di dalamnya adalah *sahihah* dan *mutawatirah* belaka. Kalau ada pun yang sebaliknya, ia hanyalah sekadar untuk memperkuatkan *Qira'at Sahihah* yang ada. Ianya juga penting kerana terhasilnya karya tersebut setelah penulisnya melakukan bacaan, kajian dan rujukan kepada banyak sumber-sumbernya samaada dalam bidang yang sama atau sebaliknya (namun ada kaitan dengan ilmu yang dibincangkan). Manakala sebab berikutnya, ialah kerana ketokohan Shaykh Muhaysin dalam Ilmu *Qira'at* samaada dalam bidang akademik atau pun penulisan.

Melihat kepada pendekatan-pendekatan yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa *al-Hadi* telah menggunakan pendekatan syarahan bahasa yang mudah dan ringkas. Persembahan dan susunan syarahannya walaupun pelbagai namun ianya jelas dan menarik.

Sehinggakan sewaktu pentawjihan wajah-wajah *Qira'at* yang pelbagai beliau turut menggunakan pendekatan yang sama.

Kesimpulannya kitab *al-Hadi* mempunyai gaya syarahannya yang menarik yang terkadang mempunyai gaya yang tersendiri yang tidak terikat dengan mana-mana penulisan sebelumnya.

### Rujukan

- Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafayan. 2001/1422H. *Asyhar al-Mustalahat fi Fan al-Ada' wa 'Ilm al-Qira'at*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Ibrahim Muhammad Salim Muhaysin. 2006. Biodata Shaykh Muhammad Salim Muhaysin. Temu bual. 15 Disember 2006.
- Muhammad Muhammad Fawzi Muhammad Muhammad Fawzi. 2006. Biodata Shaykh Muhammad Salim Muhaysin. Temu bual 15 Disember 2006.
- Muhammaad Salim Muhaysin. 1978/1298H. *al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah*. Kaherah: Maktabah Kaherah.
- Muhammad Salim Muhaysin. 2002/1423H. *Tarajim li Ba'd 'Ulama' al-Qira'at*. Kaherah: Dar Muhaysin.
- Mustafa 'Abd Allah. 1992/413H. *Kasyf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*. Bayrut: Dar al-Kutub.
- Syams al-Din Muhammad Khalil al-Qabaqibi. 2003/1424H. Tahqiq: Dr. Ahmad Khalid Syukri. Yasir Muhammad Muhammmad Muhammad Salim Muhaysin. 2006. Biodata Shaykh Muhammad Salim Muhaysin. Temu bual 17 Disember 2006.